


# Corat coret dari London

Oleh  
**ZAINUDDIN  
MAIDIN**



## Beberapa keraguan terhadap Dr. Mahathir

SEPERTI juga Perdana Menteri Datuk Hussein Onn, integrity dan honesty timbalannya Dr. Mahathir Mohammad tidaklah dipersoalkan oleh orangramai di Malaysia dan juga oleh akhbar-akhbar luar negeri, khususnya di Britain.

Seperti yang telah dapat dibaca menerusi akhbar-akhbar di Malaysia, kalangan pemerhati-pemerhati politik dan juga akhbar-akhbar British yang terkemuka memberikan pandangan yang tinggi terhadap kabinet Hussein Onn terutama sekali atas kegigihan beliau untuk menegakkan sebuah kerajaan yang bersih dan cekap.

Bagaimanapun saya rasa ada beberapa keraguan yang mungkin timbul dari interviu Dr. Mahathir dengan Utusan Melayu tidak lama dahulu yang memerlukan penjelasan untuk mengikis sebarang prasangka yang mungkin timbul.

Di dalam satu interviu dengan wartawan Utusan Adam Abdul Hamid, Dr. Mahathir mempersoalkan tentang kenapa orang-orang Melayu tidak mempersoalkan tentang orang-orang bukan Melayu yang menjadi kaya-raya tetapi lebih mempersoalkan tentang seorang dua Melayu yang jadi kaya.

Perkara ini juga telah ditimbulkan di dalam interviu saya dengannya di London terdahulu dari itu.

Saya rasa kenyataan itu tidaklah benar. Adalah

tidak benar bahawa orang-orang Melayu tidak mempersoalkan tentang bagaimana orang-orang bukan Melayu menjadi kaya-raya.

Peristiwa 13 Mei telah memberikan pertanyaan yang menyeluruh di dalam perkara itu, malah itu merupakan kemuncak dari pertanyaan-pertanyaan yang terpendam. Laporan-laporan yang menganalisa peristiwa itu ada menyebutkan tentang orang-orang Melayu dari kampung yang datang ke bandar-bandar merasakan berada di dalam satu kehilangan bila melihat rumah-rumah indah dan gedung-gedung besar dan kemudian membuat pertanyaan-pertanyaan dengan penuh perasaan.

Selain dari itu, orang-orang Melayu adalah bertanya tentang beberapa orang Melayu yang menjadi kaya (bukan semuanya) kerana kadang-kadang mereka sendiri adalah terlibat secara langsung di dalam pergolakan seseorang Melayu itu untuk menjadi kaya — secara sama ada diperalatkan, ditipu dan sebagainya lagi.

### *Perasaan tidak senang*

Dan oleh kerana orang-orang Melayu adalah beragama dan berpegang kepada "Code Of Moral Conduct" maka tentulah persoalan-persoalan ditimbulkan oleh mereka apabila melihat perbuatan-perbuatan yang "unethical" ataupun "Ultra Virus".

Bagaimanapun saya rasa Dr. Mahathir menerima kenyataan bahawa kekayaan seseorang Melayu bukanlah dikhianati oleh rakyat biasa yang sering memperkatakan malah sebaliknya diakibatkan dari persaingan hidup di "kelas yang sama" atau kerana perasaan tidak senang antara sesama sendiri. Barangkali Dr. Mahathir lebih mahami apa yang saya maksudkan ini.

Dr. Mahathir juga baru-baru ini ada menimbulkan tentang orangramai memperkatakan sesuatu yang tidak enak didengar bila anggota-anggota Parlimen memakai kereta Mercedes, tetapi memuji-muji seorang anggota pembangkang yang terus memakai kereta kecil.

Saya sendiri tidaklah bermaksud bahawa anggota-anggota Parlimen harus memakai kereta-kereta kecil malah mereka adalah berhak untuk memakai apa juga kereta yang termampu oleh mereka, tetapi nampaknya Dr. Mahathir langsung menolak soal 'prestige' dan 'side effect' dari kecenderungan menggunakan Mercedes itu.

Apakah tidak berlaku persaingan untuk 'prestige' di kalangan MP-MP sendiri atau ahli-ahli Dewan Negeri selain dari memberikan tentang perbelanjaan yang murah ataupun nilai 'secondhand'.

Tidakkah sudah terbentuk fikiran sekarang bahawa bila jadi ahli Dewan Negeri ataupun jadi MP mesti pakai Mercedes atau kereta-kereta yang setanding darjatnya?

Tidakkah pula saya ketahui sekiranya pada fikiran Dr. Mahathir bahawa dengan anggota-anggota Parlimen memakai motokar-motokar Mercedes akan memberikan ilham kepada rakyat untuk bekerja keras supaya satu masa dapat memakai kereta yang sama ataupun akan menyebabkan mereka terus bertanya bagaimana dia tiba-tiba boleh pakai kereta besar?

Kalau doktor-doktor pakai kereta besar betapa mahalpun dan masuk ke kampung-kampung, orang-orang kampung tidak bertanya sebab mereka sudah memahaminya.